
SIARAN BERITA

MyCC MENGELUARKAN KEPUTUSAN CADANGAN TERHADAP MyEG

KUALA LUMPUR, 6 Oktober 2015 – Pada 6 Oktober 2015, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap My E.G. Services Berhad (“MyEG”). MyEG didapati telah melanggar Seksyen 10 di dalam Akta Persaingan 2010 (‘Akta’) dengan menyalahgunakan kedudukan dominan di dalam peruntukan dan pengurusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) atas talian atau permohonan pembaharuan Permit Pekerja Asing, dengan menggunakan keadaan yang berbeza menyelaraskan transaksi dengan pihak perdagangan lain yang mungkin mengganggu proses persaingan.

MyCC telah menjalankan siasatan mengenai MyEG susulan aduan yang difailkan oleh beberapa pihak. Hasil siasatan mendapati bahawa MyEG telah mengganggu proses persaingan dengan menjual polisi insuran mandatori [Jaminan Insuran Pekerja Asing (Foreign Workers Insurance Guarantee- FWIG); Skim Penghospitalan dan Pembedahan Pekerja Asing (Foreign Workers Hospitalization and Surgical Scheme - FWHS); dan Skim Pampasan Pekerja Asing (Foreign Workers Compensation Scheme - FWCS)] bagi pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), kerana MyEG juga turut bersaing dengan ejen insuran lain di pasaran. Syarikat subsidiari MyEG, MyEG Commerce Sdn. Bhd. adalah ejen di bawah RHB Insurance Berhad yang menjual insuran-insuran mandatori.

MyCC mengenakan cadangan penalti kewangan sebanyak RM307,200.00 dan tambahan penalti sebanyak RM15,000.00 untuk setiap hari jika MyEG gagal untuk mematuhi tindakan-tindakan yang berikut:

- i. MyEG Commerce Sdn. Bhd. menamatkan perjanjian dengan agensi sedia ada yang berkaitan dengan insuran mandatori dan tidak dibenarkan untuk memasuki mana-mana perjanjian dengan agensi yang menjalankan perkhidmatan yang sama.
- ii. MyEG menyediakan penyelesaian yang efektif kepada semua syarikat yang menjual insuran mandatori dan membenarkan mereka bersaing di peringkat yang sama.

MyCC dibenarkan di bawah Akta untuk mengenakan penalti kewangan sehingga 10% berdasarkan dari perolehan sedunia ("*worldwide turnover*") setiap syarikat yang terlibat dan sebarang tindakan pemulihan.

Keputusan Cadangan merupakan suatu notis bertulis yang mengandungi fakta-fakta yang menjadi asas kepada MyCC dalam penilaian serta alasan-alasan bagi membuat Keputusan Cadangannya. Ia dikeluarkan kepada perusahaan yang terlibat untuk membantu mereka membuat representasi dan menyediakan apa-apa maklumat lain untuk menyokong representasi mereka kepada MyCC.

Dalam hal ini, perusahaan-perusahaan berkenaan mempunyai tiga puluh hari dari tarikh penerimaan Keputusan Cadangan untuk membuat representasi mereka. MyCC kemudian akan membuat keputusan muktamadnya selepas ia mempertimbangkan representasi-representasi tersebut termasuk semua maklumat dan bukti yang ada.

Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 dan oleh itu, perniagaan sepatutnya telah mematuhi peruntukan dibawah Akta Persaingan 2010.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Hasnizan Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: izan@mycc.gov.my

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 212), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

NOTA UNTUK PENGARANG:

Maklumat di dalam Seksyen 4 Akta Persaingan 2010

NOTA UNTUK PENGARANG:

Seksyen 2 Akta Persaingan 2010 menyatakan definisi “kedudukan dominan” seperti berikut:

“Kedudukan dominan ertinya suatu keadaan yang dalamnya satu perusahaan atau lebih mempunyai kuasa yang signifikan dalam suatu pasaran untuk melaraskan harga atau output atau terma perdagangan, tanpa kekangan yang berkesan daripada pesaing atau pesaing berpotensi.”

Bab 2: Penyalahgunaan Kedudukan Dominan

Penyalahgunaan kedudukan dominan adalah dilarang

10. (1) Suatu perusahaan adalah dilarang untuk terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu penyalahgunaan kedudukan dominan boleh termasuk—

- (a) secara langsung atau tidak langsung mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil atau syarat perdagangan lain yang tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan;
- (b) membataskan atau mengawal—
 - (i) pengeluaran;
 - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
 - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
 - (iv) pelaburan, sehingga memudaratkan pengguna;
- (c) enggan untuk membekalkan kepada suatu perusahaan atau kumpulan atau kategori perusahaan tertentu;
- (d) mengenakan syarat yang berlainan kepada transaksi yang setara dengan pihak perdagangan yang lain ke suatu takat yang boleh—
 - (i) tidak menggalakkan kemasukan baru ke dalam pasaran atau pengembangan atau pelaburan oleh pesaing yang sedia ada;

UNTUK TERBITAN SEGERA MEJA BERITA/EKONOMI



- (ii) memaksa keluar dari pasaran atau selainnya merosakkan secara serius seorang pesaing yang sedia ada yang tidak kurang cekapnya berbanding dengan perusahaan dalam kedudukan dominan itu; atau
- (iii) memudaratkan persaingan dalam apa-apa pasaran yang disertai oleh perusahaan yang dominan itu atau dalam apa-apa pasaran hiliran atau huluhan;
- (e) menjadikan pengikatan kontrak tertakluk kepada penerimaan oleh pihak lain akan syarat tambahan yang atas sifatnya atau menurut kegunaan komersial tidak mempunyai kaitan dengan hal perkara kontrak itu;
- (f) berkelakuan seakan pemangsa terhadap pesaing; atau
- (g) membeli barangan perantaraan atau sumber yang terhad bekalannya yang dikehendaki oleh seorang pesaing, dalam hal keadaan yang perusahaan dalam kedudukan dominan itu tidak mempunyai justifikasi komersial yang munasabah untuk membeli barangan perantaraan atau sumber itu untuk memenuhi keperluannya sendiri.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.